

# Analisis Isu Gender Berdasarkan Al-Quran bagi Menangkis Tuntutan Persamaan Hak antara Lelaki dan Wanita

Baterah Alias<sup>1\*</sup>, Mohd Asmadi Yakob<sup>1</sup>, Rafeah Saidon<sup>1</sup>,  
Mukhammad Syamsul Huda Bin Lahuri<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> *Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia*

\*Pengarang Penghubung  
syamsulhudaitm@gmail.com

Received: August 2020  
Accepted: November 2020  
Online First: December 2020

## ABSTRAK

*Isu gender merupakan satu topik yang sering dikaitkan dengan wanita. Gerakan feminisme barat menuntut hak kesamarataan antara lelaki dan wanita. Doktrin ini telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam sehingga menuntut hak persamaan dalam hukum syara' antara lelaki dan wanita. Perbezaan hukum syara' dianggap tidak adil dan mewujudkan diskriminasi antara hak lelaki dan wanita sebagaimana yang didakwa oleh golongan feminisme. Beberapa petikan ayat al-Quran dikemukakan bagi menangkis tuntutan golongan feminisme dalam menuntut hak persamaan antara lelaki dan wanita. Permasalahan kajian ialah golongan feminisme telah meracuni pemikiran umat Islam dengan mengemukakan tuntutan supaya diberikan hak sama rata antara lelaki dan wanita dalam semua aspek kehidupan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan data diperolehi berdasarkan kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati terdapat kekeliruan dalam memahami ayat al-Quran berkaitan isu gender sehingga mengakibatkan salah faham masyarakat dengan meletakkan akal*



*fikiran menjangkau batasan syarak. Al-Quran telah memberikan garis paduan yang jelas berkaitan dengan gender dari segi asal usul wanita, kepimpinan dan pewarisan harta pusaka yang selayaknya diterima oleh wanita. Walaupun pada pandangan umum masyarakat, wanita berupaya berperanan dalam rumah tangga dari segi ekonomi dan menjamin kestabilan sosial tetapi hukum syarak perlu ditegakkan bagi melestari kelangsungan insan. Kesimpulannya, al-Quran perlu dijadikan panduan dalam menilai sesuatu hukum yang berkaitan dengan gender supaya tuntutan persamaan hak antara lelaki dan wanita sewajarnya mengikut tuntutan syarak dan mengelakkan umat Islam terpengaruh dengan pemikiran feminisme barat.*

**Kata Kunci:** *Gender, Feminisme, Persamaan Hak, Tuntutan, Al-Quran*

## **Analysis of Gender Issues Based on the Quran to Reject the Claim of Equal Rights between Men and Women**

### **ABSTRAK**

*Gender issues are topics that are often associated with women. The Western feminist movement demands equality between men and women. This doctrine has influenced the thinking of the Muslim community to the point of demanding equal rights in Islamic law between men and women. The differences in Islamic law were considered unfair and creates discrimination between the rights of men and women as claimed by feminists. Several verses from the Quran are presented to refute the demands of feminism pursuing equality between men and women. The problem of the study is that feminism has poisoned the minds of Muslims by submitting demands for equal rights between men and women in all aspects of life. Qualitative research methodology and data were obtained based on library research. The results of the study found that there is confusion in understanding the verses of the Quran related to gender issues that result in misinterpretation of society by placing the mind beyond the limits of Islamic law. The Quran has provided a clear guide related to gender in terms of women's origins, leadership and inheritance that should be accepted by women. In the general view of society, women were to play a role in the household in terms of economy and to ensure social stability, however Islamic law needs to be*

*upheld for human continuity. In conclusion, the Quran should be used as a guide in evaluating a law related to gender so that the demand for equal rights between men and women should be in accordance with Islamic law and to prevent Muslims from being influenced by Western feminist thinking.*

**Keywords:** *Gender, Feminism, Equality Rights, Claim, Al-Quran*

## PENDAHULUAN

Artikel ini menganalisis isu gender berdasarkan petikan ayat al-Quran bagi menangkis dakwaan gerakan feminisme yang menuntut persamaan hak antara lelaki dan wanita. Gender merupakan satu konsep yang digunakan untuk mengkaji perbezaan dan persamaan antara lelaki dan wanita dan tidak tertumpu kepada satu konstruksi sosial yang berhubung-rapat dengan perbezaan jantina. Secara etimologinya, gender (Donna L. Haraway, 2001) merupakan perkataan Inggeris yang dipinjam dari kosa kata lama Perancis *genre genre* yang bererti *kind, genus, style*, yang mana sumberambilannya dari Bahasa Latin *gener* yang bermaksud *race, kind* (Walter W. Skeat, 1993). Dalam penggunaan biasa, ia bermaksud jenis kelamin atau jantina. Manakala dalam bahasa Malaysia, perkataan gender hanya masuk dalam daftar leksikon oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2005. Namun pengertiannya masih sama dengan pengertian asalnya kerana gender dari segi literalnya diertikan sebagai jantina (Noresah Baharom *et al.*, 2005) ataupun klasifikasi seksual (Nor Azizah Abu Bakar *et al.* (eds.), 1999). Berdasarkan Barat, istilah gender lahir kesan daripada protes golongan wanita terhadap ketidakadilan kaum lelaki dalam masyarakat Barat (Muhammad 'Imarah, 2004).

Menurut Nasaruddin Umar (2001), dalam al-Quran atau al-Sunnah, tiada perkataan yang sinonim istilah gender. Namun ditakrifkan sebagai perbezaan antara lelaki dan perempuan yang tidak berkait dengan biologi. Terdapat beberapa istilah yang berkaitan seperti *al-rajul/al-rijal* (lelaki), *al-mar'ah/al-nisa'* (perempuan). Al-Quran konsisten dalam penggunaan istilah ketika mengungkap fenomena tertentu. Misalnya, dalam mengungkap lelaki dan perempuan dari aspek biologi, sering kali digunakan istilah *al-dhakar* (lelaki) dan *al-untha* (perempuan). Manakala penggunaan istilah lelaki dan perempuan dari aspek gender (*gender assignment*) pula, istilah *al-rajul/al-rijal* untuk lelaki dan *al-mar'ah/al-nisa'* untuk perempuan.

Di Barat kedudukan wanita tidak sama dengan kedudukan lelaki. Pada awal kebangkitan tamadun Yunani peranan golongan wanita hanya dijadikan sebagai alat untuk melepaskan nafsu kaum lelaki sahaja (Alfa Mardiyana, 2017). Tambahan pula, golongan wanita juga tidak dibolehkan untuk keluar dari rumah dan diharamkan dari memasuki dunia pendidikan (Zulkifli et.al, 2007). Ideologi budaya masyarakat Greek memandang golongan wanita sebagai sebuah barang dagangan yang boleh dijual beli dan dipindah milik (Harlina Siraj, 2015). Budaya masyarakat China, membunuh anak perempuan adalah dibolehkan (Mohd Anuar Ramli, 2010). Manakala bagi kepercayaan agama Hindu, hak hidup seorang wanita yang bersuami harus berakhir pada saat kematian suaminya (Nasaruddin Umar, 2001). Budaya masyarakat Hindu juga mengamalkan amalan “sati” iaitu bukti kesetiaan dan pengorbanan seorang isteri terhadap suami (Harlina Siraj, 2015).

Kedatangan Islam telah membawa rahmat kepada golongan wanita dan kehidupan masyarakat secara keseluruhannya (Alfa Mardiyana, 2017). Hak wanita yang diperjuangkan dalam Islam bukanlah menuntut untuk menyamaratakan hak lelaki dan wanita tetapi Islam memberikan hak yang sebenar kepada wanita dengan memberi keadilan dan peringatan kepada semua umat Islam agar menjaga hak golongan wanita daripada teraniaya dan didiskriminasi (Mohd Yakub et.al, 2015). Tuntutan untuk menyamaratakan hak lelaki dan wanita akan menyebabkan ketidakadilan sosial dalam masyarakat dan bercanggah sama sekali dengan tuntutan Islam berdasarkan ayat al-Quran dan surah al-Nisa’ ayat 34 menyatakan bahawa ‘lelaki adalah pemimpin kepada kaum wanita’. Oleh itu, artikel ini mengulas tentang tuntutan yang dilakukan oleh golongan feminisme hanyalah berdasarkan kepada akal dan persekitaran masyarakat yang wujud pada zaman tersebut.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Latar belakang kajian ini untuk melihat bagaimana gerakan feminisme menuntut kesamarataan gender dan bagi memberikan hak kepada wanita supaya setara dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan. Perkara yang dituntut oleh golongan feminisme ini bercanggah dengan al-Quran sehingga menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat termasuklah dalam kalangan wanita Islam.

Dalam era globalisasi, masyarakat terdedah kepada pengaruh budaya luar di mana isu gender merupakan antara isu hangat yang sedang diperkatakan. Antaranya, termasuklah diskriminasi dan hak kesamarataan gender. Implikasinya, muncul isu kesamarataan dan keadilan antara hak lelaki dan wanita sehingga menyebabkan golongan intelektual dan pemikir moden telah menuntut hak sama rata antara lelaki dan wanita (Nur Zainatul Nadra, 2015).

Pada masa kini, atas nama permodenan, munculnya perjuangan wanita yang dipengaruhi oleh gerakan feminisme Barat yang membawa agenda memperjuangkan hak kesamarataan antara lelaki dan wanita bertujuan untuk membebaskan wanita dari ditindas sekaligus mendoktrin serta mengelirukan masyarakat dengan mempertikaikan undang-undang Islam. Di samping itu, mereka menolak segala bentuk tafsiran al-Quran yang dianggap lama dan tidak sesuai digunakan dalam konteks semasa. Mereka juga memperjuangkan hak sama rata dalam hukum Islam, kerana hukum syarak dianggap tidak adil dan mewujudkan unsur diskriminasi hak antara lelaki dan wanita (Mohd Fairuz et.al, 2013). Para feminisme menafsirkan ajaran agama disesuaikan dengan konteks semasa dan sosio budaya setempat khususnya untuk golongan wanita. Golongan Feminis Muslim dan intelektual wanita mempertikaikan ketidakadilan yang terdapat dalam kitab tafsir klasik. Golongan ini mendakwa tafsiran para ulama lebih cenderung bersifat bias gender, khususnya terhadap golongan wanita. Oleh itu, para mufasir klasik sering dituduh dan dilabel bersifat patriarki (Mohd Anuar Ramli et.al, 2013).

Mereka juga mempertikaikan perawi hadith yang kebanyakan terdiri daripada perawi lelaki dengan mendakwa berlakunya bias gender dalam hukum syariah (Mohd Fairuz Jamaluddin, 2015). Selain itu, pandangan ulama klasik dalam kitab fiqh, tafsir dan ilmu yang berkaitan dengan lelaki dan wanita dipertikaikan kerana kecenderungan untuk diskriminasi yang lebih didominasi oleh kaum lelaki. (Shalahudin, 2016). Selain daripada itu, para aktivis gender meletakkan naskhah teks al-Quran selari dengan naskhah yang lain dan tidak memiliki kesucian dan kemuliaan, mempersoal dan mempertikaikan sumber keaslian al-Quran (Umar, 2001).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kajian perpustakaan bagi mendapatkan data autentik. Segala maklumat digunakan untuk menyokong, menambah, dan memperdalamkan kajian agar dapat dianalisis dengan baik. Termasuk juga aplikasi dalam kaedah tafsir tematik atau mawdu'i dalam kajian ini. Kaedah tafsir tematik yang dipilih adalah dengan menghimpunkan dan menyusun ayat al-Quran yang memiliki kaitan dengan tema kajian. Kaedah perpustakaan melibatkan pencarian bahan primer seperti al-Quran dan tafsir yang berkaitan. Disamping itu bahan sekunder juga turut dijadikan rujukan dalam kajian ini seperti buku ilmiah, jurnal, prosiding, kertas kerja, disertasi, tesis dan kajian ilmiah yang berkaitan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Perbincangan dalam kajian ini menjurus kepada isu ketidaksamarataan gender yang diperdebatkan oleh gerakan feminisme untuk menuntut hak sama rata antara lelaki dan wanita. Kajian ini mengambil pendekatan dengan mengemukakan ayat al-Quran berkaitan dengan gender bagi menangkis kekeliruan masyarakat sehingga mengakibatkan salah faham masyarakat dengan meletakkan akal fikiran menjangkaui batasan syarak. Walaupun pada masa kini, wanita berupaya berperanan dalam rumah tangga dari segi ekonomi dan menjamin kestabilan sosial tetapi hukum syarak perlu ditegakkan demi melestarikan kelangsungan insan sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah SWT.

### **Isu Ketidaksamarataan Gender**

Gender merujuk kepada kedudukan sosial (Fakih, 1999) terhadap wanita dan lelaki dan telah didefinisikan sebagai ketetapan dan ketentuan masyarakat terhadap peranan, hubungan, personaliti, sikap dan tingkahlaku, nilai, kekuasaan dan juga pengaruh yang dimainkan secara berbeza (Iiyas, 2015). Perbezaan jantina merujuk kepada baka genetik dan ciri anatomikal atau sifat biologinya (Harlina Halizah Siraj, 2015). Melihat dari perbezaan itu, definisi gender berbeza dengan jantina. Jantina adalah faktor biologik sedangkan gender adalah perbezaan tingkahlaku hasil daripada binaan

sosial dan sifatnya relatif iaitu tidak mutlak (Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Aunur Rafiq, 2007).

Gender berkait rapat dengan pembahagian peranan dan kedudukan antara lelaki dengan wanita dalam sesebuah masyarakat yang terhasil daripada proses sosialisasi dan budaya (Anwar et al., 2016) yang merupakan sebahagian daripada pemikiran feminisme (Zulkifli Yusoff dan Aunur Rafiq (2007). Sejarah telah membuktikan bahawa pemikiran gagasan Islam liberal dan feminisme mendukung gerakan emansipasi wanita atau hak kebebasan yang sentiasa menimbulkan isu kontroversi dalam menuntut hak persamaan gender yang bertentangan dengan syariah (Mohd Fairuz Jamaluddin, 2015).

Dalam konteks semasa, wanita sudah mendapat hak mereka untuk bersuara dan memperlihatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, ekonomi, politik, kerjaya dan pelbagai bidang professional yang lain (Fatimah Hanafi, 2017). Di Malaysia, wanita Islam telah mempunyai kedudukan sosial yang tinggi, di samping itu mereka juga mempunyai pendidikan dan kerjaya serta pendapatan yang baik. Apa yang menjadi persoalannya ialah kerana ada sebahagian daripada mereka terpaksa menggalas beban dan tanggungjawab ekonomi keluarga yang memberi tekanan kepada wanita (Harlina Halizah Siraj, 2015). Kesannya mengakibatkan wanita menjadi mangsa kepada pengabaian tanggungjawab kaum lelaki iaitu suami, bapa, pemimpin masyarakat sehingga munculnya kes perceraian, pengamalan poligami yang tidak adil, eksploitasi dan jenayah seksual (Harlina Halizah Siraj, 2015). Dalam masyarakat kontemporari, lahir bentuk hubungan gender yang tidak mesra, contohnya dalam rumahtangga sering berlaku keganasan, penderaan fizikal dan mental, pembunuhan, pemerkosaan dan pelecehan seksual (Mohd Anuar Ramli, 2010).

## **Gerakan Feminisme Barat**

Fahaman liberalisme telah muncul pada abad ke-14, di mana fahaman ini telah memberi pengaruh kuat ke atas masyarakat Eropah terutamanya selepas revolusi perindustrian pada abad ke-18 (Ahmad Yunus Abu Bakar et al., 2014). Fahaman liberalisme mula memperjuangkan hak wanita supaya mendapat hak peribadi serta kesamarataan (Ahmad Yunus Abu Bakar et al., 2014) dan golongan liberal mula sedar akan kedudukan wanita ketika itu dan melihat punca utama penindasan yang berlaku terhadap wanita

adalah disebabkan tiada pendedahan terhadap pendidikan, buta huruf dan kemiskinan (Harlina Siraj, 2015). Gerakan Feminisme bermula pada akhir abad ke-18 dan dipelopori oleh gerakan Feminisme yang pertama di Eropah iaitu Lady Mary Wortley Montagu dan Marquis de Condorcet yang mencetuskan kebangkitan wanita dalam menuntut hak (Dennis Sherman, 1987).

Pada abad ke 19, mereka mula sedar kepekaan dalam perjuangan wanita semakin mendalam terhadap isu diskriminasi dan penindasan, mereka mendapati sekalipun wanita terdidik dan mampu mendapatkan perkerjaan yang baik wanita masih ditindas dan didiskriminasi serta tiada pembelaan yang adil terhadap mereka. Justeru itu, para pejuang wanita ini merumuskan kehidupan masyarakat masih bersifat patriaki dan kaum lelaki masih mendominasi ke atas kedudukan golongan wanita dimana ianya menjadi punca utama isu penindasan dan diskriminasi terhadap wanita tetap berterusan (Harlina Siraj, 2015).

Wanita seringkali menjadi mangsa ketidakadilan dan diskriminasi gender dalam kalangan masyarakat. (Mohd Anuar Ramli, 2010). Kesan daripada itu, muncul gerakan yang memperjuangkan hak wanita yang dikenali sebagai feminisme (Sabhamis, 2012). Gerakan ini memperjuangkan dan menuntut hak sama rata antara lelaki dan perempuan dalam pelbagai bidang dan menentang segala bentuk penindasan terhadap wanita (Fadlan, 2011). Disamping itu juga, golongan feminisme dan intelektual mula mempertikaikan ketidakadilan yang terdapat dalam tafsir mufasir klasik. Golongan ini mendakwa tafsiran para ulama lebih cenderung bersifat bias gender, khususnya terhadap golongan perempuan. Oleh itu, para mufasir klasik sering dituduh dan dilabel bersifat patriarki (Mohd Anuar Ramli, 2013).

Permasalahan berkaitan isu gender ini telah lama diperdebatkan sama ada melalui media massa mahupun media cetak. Kemunculan isu gender yang melanda dunia pada hari ini dipengaruhi oleh gerakan feminisme yang bermula pada tahun 1890an (Baterah Alias et.al, 2006). Terdapat tiga gelombang gerakan feminisme dalam menzahirkan rasa ketidakpuasan mereka terhadap hak yang diterima oleh golongan wanita. Gelombang pertama bermula pada tahun 1792 dengan kemunculan terbitan karya dari Mary Wollstonecraft yang berjudul *A Vindication of the Rights of Women*.



Karya terbitan beliau telah diiktiraf sebagai batu asas bagi pembinaan feminisme moden (Susan Osborne, 2001). Beliau membicarakan kerosakkan psikologi dan ekonomi yang di alami oleh golongan wanita berpunca dari penindasan yang dilakukan oleh kaum lelaki (Rowbotham, 2013). Aktiviti gerakan ini menyebabkan golongan wanita ditindas membuat kempen kesamarataan khususnya dari segi harta kebendaan, ekonomi dan hak untuk mengundi. Gelombang pertama mensasarkan hak politik dan ekonomi yang setara bagi kaum wanita. Golongan feminisme juga bertelingkah pendapat bahawa kaum wanita juga wajar diberi kesamarataan untuk menglibatkan diri dalam apa jua penglibatan oleh kaum lelaki. Justeru itu, pada tahun 1920 golongan Feminisme berjaya mendapatkan hak pemilikan kepada kaum wanita dan kebebasan dalam bidang pendidikan dan juga professional (Cudd, Ann E. and Robin O. Andreasen (ed), 2007).

Pada tahun 1949 telah menyaksikan gelombang kedua dengan kemunculan terbitan karya dari Simone de Beauvoir's berjudul *The Second Sex*. Gelombang kedua menyaksikan permulaan perubahan secara radikal bermula dari aspek kehidupan peribadi contohnya institusi pernikahan, *motherhood*, hubungan berlainan jenis, tarikan seksualiti sesama wanita sehingga ke politik. Di samping itu juga ia merupakan permulaan kritikan terhadap hak kaum lelaki dan diskriminasi seksualiti kepada golongan wanita (Cudd, Ann E. and Robin O. Andreasen (ed), 2007).

Pada akhir tahun 1980an, kempen kesamarataan gender telah memasuki gelombang ketiga di mana isu yang diketengahkan akhirnya membawa kepada keterbukaan transgender, bisexual dan juga lesbian (Chrisler, Joan C, et al, (ed), 2000). Salah satu dari fahaman relativisme yang dipraktikkan oleh golongan feminis adalah dengan memupuk amalan lesbian dan homoseksual dalam masyarakat. Sebagai contoh Charlotte Bunch (1978) menyatakan, lesbian adalah golongan yang paling jelas antitesis terhadap patriarki. Golongan Patriarki diketahui membenci wanita, sedangkan kami pencinta wanita. Patriarki juga menuntut akan kepatuhan dari wanita, manakala kami mencari kekuatan, ketegasan dan harga diri bagi wanita. Patriarki melihat pada kekuasaan dan mendefinisikan peranan seseorang melalui gender dan sumbangan fizikal mereka yang lain manakala bagi antithesis pula kami mengendalikan sesuatu pekerjaan itu tidak melihat pada peranan gender dan mencari dasar baru untuk membina kekuatan dan hubungan. (Chrisler, Joan C, et al, (ed), 2000).

Pada waktu yang sama, Malaysia tidak terkecuali dalam penyebaran Islam liberal dan feminisme yang memfokuskan kepada persamaan hak antara wanita dan lelaki menerusi gerakan feminisme (Mohammad Ariffin Bin Ismail, 2012). Dalam pada itu, golongan ini berkembang dengan pelbagai saluran, antaranya melalui jaringan internet dan memasukkan buku-buku yang berkaitan dengan liberalisme dari luar negara. Gerakan ini mendapat sokongan daripada orang bukan Islam, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hal ini menyebabkan ancaman pemikiran liberalisme di Malaysia semakin rumit untuk ditangani oleh pihak berkuasa agama (Mohd Hambali bin Rashid, Siti Suhaila binti Ihwani, Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim, & Zaharah Mustaffa, n.d.).

Para ilmuan Islam liberal menjadikan idea para orientalis sebagai rujukan utama dalam memahami Islam. Perkara ini boleh dianggap sebagai suatu usaha terancang untuk mendominasi pemikiran atau suatu doktrin penjajahan bukan fizikal pada zaman moden. (Muhamad Faiz Ismail & Azmi, 2012). Munculnya idea daripada mereka yang menggambarkan bahawa al-Quran mesti diolah dan dikaji semula, Tafsir al-Quran banyak ditafsir oleh para mufasir dari kalangan lelaki, Kaum wanita perlu mentafsir al-Quran menurut cara berfikir wanita, poligami tidak lagi sesuai, lelaki dianggap “superior” dalam keluarga juga sudah ketinggalan zaman. (Idris Zakaria, 2015).

Sementara itu di Malaysia, golongan minoriti ini tidak berani membuat pengisytiharan secara terbuka. Hal ini berlaku demikian kerana kerajaan Malaysia masih mengambil berat tentang soal dan masalah yang melibatkan agama. Oleh hal yang demikian, gerakan feminisme di Malaysia tidak mempunyai nama khusus yang melambangkan gerakan tersebut. Namun dari sudut pemikiran, mereka lebih bercirikan ideologi feminisme yang memperjuangkan demokrasi, pluralisme dan persamaan hak antara wanita dan lelaki. Meskipun begitu terdapat satu gerakan yang mula muncul pada penghujung tahun 1980-an yang dikenali sebagai Sister in Islam (SIS). SIS ditubuhkan sebagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) di bawah pimpinan Zainah Anwar pada ketika itu. Golongan ini memperjuangkan hak wanita Muslim mengikut acuan feminis barat. Di samping itu, golongan ini juga berusaha untuk menegakkan dan menjadikan pandangan mereka sebagai satu aliran yang diiktiraf di Malaysia (Jamaluddin, 2014). Penubuhan SIS dilihat sebagai satu gerakan feminisme yang paling aktif dan secara terbuka

memperjuangkan ideanya dan sentiasa menimbulkan kontroversi. Selain itu, mereka juga memperjuangkan serta mendaulatkan hak asasi manusia dan prinsip sejagat, serta pendekatan agama berasaskan tafsiran dari perspektif hak kemanusiaan (Jabatan Agama Islam Selangor, 2011).

Berdasarkan situasi yang berlaku di Malaysia, umat Islam di Malaysia perlu mempunyai pengetahuan berkaitan dalam memahami aliran pemikiran moden terutama yang berselindung di sebalik agama Islam. Mereka menjenamakan Islam seperti Islam liberal. Ini disebabkan, aliran pemikiran ini menggunakan hujah yang disandarkan kepada ayat al-Quran, hadith, ulama Islam, penggunaan istilah Islam yang dipelopori oleh tokoh yang berlatar belakang pendidikan Islam dan kebanyakannya muncul di negara Islam (Mohd Nasir Masroom & Wan Ismail Wan Dagang, 2011). Kesannya jika masyarakat Islam tidak mempunyai pengetahuan asas berkaitan akan mudah terjebak dan terpengaruh dengan aliran pemikiran moden seperti Islam liberal dan feminisme yang melanda masyarakat pada masa kini.

## **Isu Gender Berdasarkan al-Quran**

Kajian ini memetik beberapa ayat al-Quran berkaitan dengan gender serta pentafsiran para ulama bagi menolak hujah gerakan feminisme yang memperjuangkan hak kesamarataan gender antara lelaki dan wanita.

### **Asal Usul Penciptaan Wanita**

Asal usul penciptaan wanita dijelaskan dalam firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ  
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ  
عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya:

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan wanita yang ramai. Dan bertaqwalah

kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-  
yebut namaNya serta peliharalah hubungan (silaturrahim)  
kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati  
(mengawasi) kamu”

(Surah al-Nisa: 4-1)

Berdasarkan ayat di atas, perkataan “ مِنْهَا ” mempersoalkan tentang penciptaan Hawa daripada tulang rusuk Nabi Adam atau diciptakan daripada tanah. Pentafsiran para ulama tentang ayat tersebut didakwa bias gender dan mewujudkan perbezaan pandangan dengan feminisme Muslim yang akhirnya menjadi isu kontroversi dan muncul pelbagai reaksi daripada para feminisme.

Isu penciptaan wanita menjadi perdebatan hangat dalam kalangan ulama tafsir sendiri dan mereka juga berbeza pandangan ketika mentafsirkan ayat “ نَفْسٍ وَاحِدٍ ”. Secara umumnya terdapat dua aliran pentafsiran dalam isu ini iaitu aliran klasik dan juga aliran moden. Aliran klasik mentafsirkan bahawa Hawa dicipta daripada tulang rusuk Nabi Adam manakala aliran moden mentafsirkan Hawa diciptakan daripada tanah. Namun begitu kebanyakan ulama tafsir lebih cenderung untuk menerima pandangan pertama yang mengatakan Hawa diciptakan daripada tulang rusuk Nabi Adam.

Imam Al-Tabari menafsirkan kalimah “ نَفْسٍ وَاحِدٍ ” dengan maksud nabi Adam, manakala “ زَوْجَهَا ” adalah Hawa. Ini bermaksud Hawa diciptakan dari tulang rusuk Nabi Adam. Pendapat ini disokong oleh tokoh tafsir lain seperti Al-Zamkhsyari, Ibn Kathir, Al-Alusi dan lain-lain tokoh tafsir. Selain itu, pendapat ini disokong oleh Prof. Hamka dalam kalangan mufassir moden. Penciptaan Hawa daripada tulang rusuk juga disokong daripada beberapa hadith yang menggambarkan berkaitan penciptaan wanita.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلْعِ  
أَعْلَاهُ فَإِنْ ذَهَبَتْ نُفِيمُهُ كَسَرَتْهُ وَإِنْ تَرَكَتُهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ.

“Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:  
“Nasihatilah para wanita kerana wanita diciptakan dari tulang  
rusuk yang bengkok dan yang paling bengkok dari tulang rusuk

adalah pangkalnya, jika kamu mencuba untuk meluruskannya maka dia akan patah namun bila kamu biarkan maka dia akan tetap bengkok. Untuk itu nasihatilah para wanita”

(Riwayat Bukhari, no. hadith 4787)

Terdapat hadith lain yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ لَنْ تَسْتَقِيمَ لَكَ عَلَى طَرِيقَةٍ فَإِنْ اسْتَمْتَعْتَ بِهَا اسْتَمْتَعْتَ بِهَا وَبِهَا عَوْجٌ وَإِنْ ذَهَبَتْ تُقِيمُهَا كَسَرْتَهَا وَكَسَرُهَا طَلَّاقُهَا

“Daripada Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya wanita diciptakan dari tulang rusuk dan tidak dapat kamu luruskan dengan cara bagaimanapun, jika kamu hendak bersenang-senang dengannya, kamu dapat bersenang-senang dengannya dan dia tetap saja bengkok, namun jika kamu berusaha meluruskannya, nescaya dia akan patah dan mematahkannya adalah menceraikannya”.

(Riwayat Muslim, no. hadith 2670)

Pandangan kedua mengatakan bahawa Hawa tidak diciptakan daripada tulang rusuk sebaliknya daripada tanah. Abu Muslim menyatakan bahawa Allah tidak menciptakan Hawa daripada tulang rusuk tetapi dari tanah seperti penciptaan Adam. Abu Muslim memberi tafsiran ayat “وَوَخَّلَقَ مِنْهَا رَوْحَهَا” adalah Dia (Allah) menciptakan Hawa dari jenis yang sama dengan penciptaan Adam. Sebagaimana ayat “جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا” maksudnya Dia menjadikan bagi kamu pasangan dari jenis kamu sendiri. Manakala Rashid Ridha membuat gambaran bahawa penciptaan wanita ada dikaitkan dengan Bible, selain itu beliau berpendapat penciptaan ini ada dalam perjanjian lama (Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail, & Muhammad Ikhlas Rosele, 2013).

Pandangan yang menyatakan Hawa bukan diciptakan dari tulang rusuk tetapi diciptakan daripada tanah merupakan pandangan minoriti dari kalangan mufasir klasik seperti Abu Muslim dan beberapa mufasir moden seperti Muhammad Abduh, Rashid Rida dan Quraish Sihab. Mereka berpendapat bahawa perempuan diciptakan daripada tulang rusuk

hanyalah sekadar perumpamaan dan tidak menunjukkan hakikat penciptaan perempuan dan tidak diciptakan daripada tulang rusuk Adam sebaliknya dari unsur yang sama (Mohd Anuar Ramli, 2010).

Selain itu, feminis Muslim Riffat Hassan menjelaskan bahawa perkataan “ نَفْسٍ وَاحِدٍ ” tidak merujuk kepada Adam, kerana kalimah itu adalah neutral, boleh dimaksudkan lelaki atau wanita. Begitu juga perkataan زوج, tidak secara automatik bermakna isteri kerana dalam bahasa *zauj* memberi maksud pasangan yang boleh menjadi lelaki atau wanita. Kerana daripada perkataan زوج yang bermaksud isteri (wanita) hanya dikenali dalam kalangan masyarakat Hijaz (Nurjannah Ismail, 2012).

Melihat kepada perbezaan pendapat tersebut, pengkaji mendapati metodologi yang digunakan para mufassir yang berpendapat Hawa diciptakan daripada tulang rusuk Adam boleh diterima, kerana hujah dan tafsiran daripada majoriti mufassir lebih tepat dengan kaedah tafsir al-Quran bi al-Sunnah.

## Kepimpinan

Golongan feminisme menuntut supaya wanita layak menjadi pemimpin tetapi al-Quran menjelaskan kepimpinan para lelaki dalam firman Nya:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ  
أَمْوَالِهِمْ ۗ فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۗ وَاللَّاتِي تَخَافُونَ  
تُشَوِّرُهُنَّ فَعَظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ ۗ إِنِ اطَّعْتُمْ فَلَا  
تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّا اللَّهُ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا

Maksudnya:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan

pemuliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

(Surah al-Nisa 4:34)

Persoalan berkaitan kepimpinan kekeluargaan mendapat perhatian gerakan feminisme dalam menilai kedudukan lelaki sebagai pemimpin. Mereka mempertikaikan konsep kepimpinan yang mana merupakan salah satu bentuk diskriminasi lelaki terhadap wanita kerana mereka memahami ayat 34 dari surah al-Nisa dianggap tidak adil dan bertentangan dengan konsep keadilan dalam institusi keluarga.

Terdapat penafsiran lain yang menyentuh tentang peranan dan tanggungjawab lelaki dan perempuan khususnya dalam surah an-Nisa di mana definisi *Qawwamun* telah ditafsirkan oleh beberapa ulama contohnya Imam al-Tabari (1997) di mana beliau mentafsirkan istilah *Qawwamun* sebagai kepimpinan. Lantaran kekuatan akal lelaki dan sempurna fizikalnya. Manakala Ibn Kathir (2009) mentafsirkan suami adalah *Qawwum* ke atas isteri yang bermaksud suami itu adalah pemimpin, pembesar dan penguasa. Al-Alusi (1994) juga turut menafsirkan bahawa tugas lelaki adalah pemimpin bagi kaum perempuan sebagaimana pemimpin memimpin rakyatnya dan al-Zamkhasari (1968) menafsirkan dengan kaum lelaki sebagai golongan yang memerintah. Daripada tafsiran berikut dapat dirumuskan bahawa tanggungjawab lelaki adalah lebih besar berbanding dengan perempuan dimana lelaki mempunyai hak untuk menjadi imam, berjihad, melaungkan azan, menjadi saksi, wali, nikah, talak, poligami dan rujuk. Golongan lelaki dianggap sebagai golongan yang lebih kuat fizikalnya berbanding dengan golongan perempuan khususnya sebagai pemimpin. Sementara itu, Muhammad Abduh menambah bahawa tugas pemimpin hanyalah mengarahkan bukan memaksa (Mohd Anuar Ramli, 2010).

Walau bagaimanapun, Asghar membuat kritikan kepada para mufassir ini di mana pentafsiran yang dibuat memberi kelebihan kepada golongan lelaki kerana pemahaman dari ayat ini bersifat teologi dengan mengabaikan pendekatan sosiologi di mana seharusnya para mufassir menggunakan pendekatan sosio-teologi iaitu dengan mengambil kira keadaan sosio-budaya masyarakat (Asghar Ali Engineer, 1994:61). Oleh yang demikian, pengkaji mendapati isu yang dibangkitkan oleh feminisme adalah berkaitan dengan penafsiran mufassir itu sendiri dan bukannya pada ayat al-Quran (Nurjannah Ismail, 2012), di mana golongan feminisme melihat penafsiran ayat al-Quran itu dipengaruhi dengan bias dominasi oleh golongan lelaki terhadap perempuan (Adibah et.al., 2017).

## Harta Pusaka

Isu harta pusaka di jelaskan dalam firman Allah SWT:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ ۖ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۖ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ۚ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ ۚ فَإِن لَّمْ يَكُن لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَتْهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِن كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ ۚ مِن بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دِينٍ ۚ وَأَبَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا ۚ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya:

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat



yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Nisa: 4:11)

Isu pembahagian harta pusaka yang difaraidkan kepada lelaki dan wanita juga menjadi perdebatan dalam kalangan feminisme. Golongan feminisme berpendapat pembahagian faraid perlu di samaratakan antara lelaki dan wanita. Ini kerana pembahagian yang dibahagikan dalam Islam mewujudkan ketidakadilan dalam mewarisi harta sedangkan kaum wanita kini sudah berdaya saing mempunyai kedudukan sosial yang tinggi, di samping itu mereka juga mempunyai pendidikan dan kerjaya serta pendapatan yang baik.

Secara umumnya, tuntutan persamaan hak bagi lelaki dan wanita ditangkis dengan membawa beberapa petikan ayat al-Quran dalam menjelaskan asal usul penciptaan wanita, kepimpinan dan pembahagian harta pusaka sebagaimana yang disyariatkan Islam. Islam memartabatkan wanita dengan memberikan keadilan kepada mereka bukannya menyamaratakan hak sebagaimana yang dituntut oleh golongan feminisme. Oleh itu, umat Islam perlu kembali kepada al-Quran dalam mendasari hukum hakam supaya penyelewengan fakta yang didakwa oleh ideologi pemikiran liberal dapat ditangkis demi keharmonian hidup dalam beragama.

## **KESIMPULAN**

Isu gender ini telah lama diperdebatkan dengan kemunculan gerakan Islam liberal yang mengundang pelbagai kesan negatif kepada masyarakat. Golongan wanita seringkali diprovokasi dengan tanggapan negatif tentang ajaran Islam. Oleh itu, umat Islam perlu merujuk kepada al-Quran sebagai sumber yang autentik bagi mencari jalan penyelesaian berkaitan dengan tuntutan persamaan hak antara lelaki dan wanita bukannya merujuk kepada ideologi pemikiran feminisme Barat yang hanya berdasarkan kepada akal dan persekitaran masyarakat yang wujud pada masa tersebut.

Peranan masyarakat Islam mempelajari ilmu akidah sangat penting untuk mengenal dan menjaga keimanan daripada dipengaruhi oleh unsur yang boleh merosakkan Islam. Kekurangan ilmu akidah juga antara faktor mudahnya penyebaran ideologi fahaman liberal yang menggunakan logik akal untuk berhujah. Idea hak kebebasan pemikiran mutlak sehingga mendakwa al-Quran dan hadith tidak lagi sesuai diamalkan pada zaman kini dan memerlukan penafsiran semula yang lebih moden. Ini kerana golongan liberal ini mengangkat akal melebihi autoriti wahyu dan meragui terhadap kebenaran al-Quran.

Selain daripada itu, golongan ini meragui penurunan al-Quran untuk semua bangsa sedangkan al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab. Justeru itu, pengaruh daripada ideologi liberal sangat merbahaya kepada akidah masyarakat kerana mempengaruhi generasi muda kita terutama melalui medium komunikasi terkini. Kefahaman dan mendalami ilmu akidah adalah senjata yang ampuh untuk menghalang pengaruh feminisme untuk menuntut persamaan hak antara lelaki dan wanita secara langsung mahupun tidak langsung memberi kesan kepada masyarakat Islam. Oleh itu, isu gender harus ditangani dengan berhemah supaya tuntutan persamaan hak antara lelaki dan wanita berlandaskan tuntutan syara' dapat ditegakkan bagi menjamin maqasid syariah terlaksana dalam masyarakat.

## **PENGHARGAAN**

Penulis mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA kerana membiayai peruntukan pembentangan kertas kerja dalam 4<sup>th</sup> International Halal Conference (INHAC 2019) bertempat di Osaka University Nakanoshima Center, Osaka, Jepun.

## **RUJUKAN**

- Abu Ja'afar Muhammad ibn Jarir al-Tabari, 1997, Tafsir al-Tabari: al-musamma jami' al-bayan fi-ta'wil al-Quran, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Abdullah ibn Muhammad ibn 'Abd al-Rahman ibn Ishaq Al Shaykh. 2009, Tafsir Ibnu Katsir, Pustaka Imam Asy-Syafii.
- Adibah Muhtar, Akmaliza Abdullah, Norhafizah Musa, Siti Suhaila Ikhwan, Indriaty Ismail, Meninjau Ulang Wacana Kesetaraan Gender oleh Feminis Muslim. <http://Conference.Kuis.Edu.My/Isra/Eprosiding/Pdf/015-ISRA-2017.Pdf>
- Ahmad Yunus Abu Bakar, Mohd Fairuz Jamaluddin (2014), Menjawab Islam Liberal, Pendedahan Agenda Jaringan Islam Liberal (JIL) dan Sister in Islam (SIS), PTS Islamika Sdn. Bhd., h.2,60.
- Alfa Mardiyana (2017) Peran Istri Dalam Pembentukan Keluarga Sakinah Menurut Al-Quran Perspektif Tafsir Al-Misbah dan Tafsir Al-Azhar, Kontemplasi, Volume 05 Nomor 01, Agustus 2017, h. 77 – 103.
- Anwar, S., Salmah, D., Noor, J., Jabatan, M., Melayu, B., Moden, F. B., & Komunikasi, D. (2016). Perhubungan Gender Dalam Masyarakat Tradisional Berdasarkan Hikayat Patani. *Journal Of Business And Social Development*, 4(2), 25–47.
- Asghar Ali Engineer (1994) The Rights of Women In Islam, Terjemah: Farid Wajdi Dan Cici Farkha Assegaf, Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya, h.61.
- Asyraf Hj Ab. Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmah, Zainab Ismail (2018), Peranan Wanita Dalam Pembangunn Keluarga Dari Perspektif Fi Zilal Al Quran, *Journal Of Governance and Development*, Vol 6 , 2010, h.14 – 21.
- Baterah Alias & Che Zarrina Saari, (2006), Islam dan Emansipasi Wanita (Islam and Women Emancipation). Penerbit Universiti Malaya, h. 24.

Chrisler, Joan C, et all, (ed), 2000, *Lectures on The Psychology of Women*, Second Edition, Mc Grawhill, Boston, h.174.

Cudd, Ann E. and Robin O. Andreasen (Ed), 2005, *Feminist Theory: A Philosophical Anthology*, Blackwell Publishing Ltd, Cornwall, h. 7-8.

Dennis Sherman (1987) *Western Civilization Images and Interpretations*, Jil 2, New York: Alferd A, Knopt, h.168.

Donna L. Haraway (2001), "Gender' for a Marxist Dictionary: The Sexual Politics of a Word", dalam Elizabeth Anne Castelli & Rosamond C. Rodman (eds.), *Women, Gender, Religion: A Reader*. New York: Palgrave Macmillan.

Fadlan, (2011), Islâm, Feminisme dan Konsep Kesetaraan Gender Dalam Al-Quran. *Karsa*, 19(2), 105–110.

Fakih, M. (1999). *Analisis Gender Dan Transformasi Sosial*. Yogyakarta : Cetakan 4 : Pustaka Belajar.

Fatima Umar Nasif (2001), *Women In Islam: A Discourse In Rights And Obligations*, (terj.) Burhan Wirasubrata & Kundan D. Nuryakien, *Menggugat Sejarah Wanita: Mewujudkan Idealisme Gender Sesuai Tuntutan Islam*. Jakarta: Penerbit Cendekia, h. 17 dan 24.

Fatimah Hanafi (2017) *Penglibatan Wanita Melayu Dalam Pilihanraya Di Malaysia 1999 – 2008*. (Tesis PhD, Fakulti Sastera dan Sains Sosial .UM) h. 5.

Jabatan Agama Islam Selangor. (2011). *Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme Di Malaysia?* *Jabatan Agama Islam Selangor*, 51–79.

Harlina Siraj (Prof Madya Dr) (2015), *Kesaksamaan & Persamaan Gender: Pro dan Kontra Dari Perspektif Sosial dan Agama*, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) September 2015, h. 2-3.

Idris bin Zakaria. (2015). *Ancaman Dan Tentangan Terhadap Islam Dan Muslim; Tumpuan Kes: Liberalisma / Pluralisma*. (Sebuah catatan

*ringkas*). (Bahagian fatwa & Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Eds.). Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.

Ilyas, P. D. (2015). *Kesetaraan Gender Dalam Al - Qura 'n : Studi Pemikiran Para Mufasssir*. Cetakan 2, Itqan Publishing.

Mahmud al-'Allama Abu l-Fadl Sihab al-Din al- Alusi al-Bagdadi, 1994, *Ruh al-ma'ani fi tafsir al-Quran al-'azim wa l-sab' al-Matani*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyya.

Mustafa al-Sawi al-Juwayni, 1968, *Manhaj al-Zamakhshari fi tafsir al-Quran wa-bayan i'jazuh Volume 9 of Maktabat al-dirāsāt al-adabīyah*, Dar al-Ma`arif.

Mohd Anuar Ramli (2010) Bias Gender dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam Dengan Tradisi Tempatan, *Jurnal Fiqh*, No. 7, h. 49-70.

Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail dan Muhammad Ikhlas Rosele, (2013). *Tafsir Feminis: Antara Rekonstruksi Tafsiran Mesra Gender Dengan Dekonstruksi Tafsiran Ulama Klasik. Muqaddas 3*, H. 186–205.

Mohd Anuar Ramli. (2012). Analisis Gender Dalam Hukum Islam. *Journal of Fiqh*, 9(9), 137–162.

Mohammad Ariffin Bin Ismail. (2012). Cabaran Akidah : Pemikiran Islam Liberal. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri*.

Mohd Fairuz Jamaluddin Latifah Abdul Majid. (2013). Persepsi Pelajar-Pelajar Pengajian Islam Ipts Terhadap Isu-Isu Fahaman Islam Liberal (The Perception On Liberal Islam Thoughts Among Islamic Studies Students In IPTS). *Jurnal Hadhari*, 5(1), 1–19.

Mohd Fairuz Jamaluddin. (2015). Persepsi Masyarakat Islam Di Malaysia Terhadap Isu-Isu Gender: Satu Tinjauan Di Lembah Klang, 2015(March), h. 9–10.

- Muhamad Faiz Ismail, A. H. T., & Azmi, J. K. (2012). Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Aqidah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjauan Awal. *International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012 (Icrale 2012)*, 61(3), 290–299.
- Mohd Hambali bin Rashid, Siti Suhaila binti Ihwani, Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim, & Zaharah Mustaffa. (n.d.). Pengaruh Ideologi Liberal Dalam Pendidikan Masyarakat Islam Di Lembah Kelang, Tinjauan Awal Dan Faktor Penularan.
- Muhammad ‘Imarah (2004), *Ma’rakah al-Mustalahat Bayna al-Gharb wa al-Islam*. c. 2, Mesir: Nahdah Misr li al-Tiba’ah
- Mohd Nasir Masroom, & Wan Ismail Wan Dagang. (2011). Cabaran Islam Liberal Kepada Umat Islam, 1–12.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, A. H. A., Siti Rohaya Sudiro, (2015). Isu-Isu Wanita Dalam Tafsir Al-Azhar: Kajian Terhadap Surah Al-Nisā. *Jurnal Usuluddin, Volume 33*(Issue 33), h.84–107.
- Nasaruddin Umar (2001), *Argument Kesetaraan Gender “Perspektif Al Quran”* Paramadina: Jakarta, h. xxviii.
- Nur Zainatul Nadra. (2015). *Konsep Adalah Dan Musawah Menurut Pemikiran Nasr Hamid Abu Zayd*. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Nurjannah Ismail (2012), Penafsiran Mufassir dan Feminis Muslim Terhadap Ayat Ayat Al-Quran Yang Berwawasan Gender, *Jurnal Studi Gender dan Islam Serta Perlindungan Anak*, Volume 1, No 1, Januari – Jun. Pusat Studi Wanita Iain Ar Raniry Banda Aceh.
- Noresah Baharomet *al.*(eds.) (2005), *Kamus Dewan*. e. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Azizah Abu Bakar *et al.*(eds.) (1999), *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*. c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osborne, Susan, 2001, *Femenism : The Pocket Enssentials Ideas*, cox-wyman, Great Britain.

Rowbotham, Sheila, 2013, *Women in Movement, Feminism and Social Action*, Routledge Revivals.

Sabhamis (2012) Pendekatan Feminis Terhadap Penafsiran Al-Quran Dan Bibel, *Jurnal Al-Ta'lim*, Jilid 1, No. 3, November 2012, h. 224-230.

Shalahudin, H. (2016). *Wacana Kesetaraan Gender Dalam Pemikiran Islam Di Institusi Pengajian Tinggi Islam Negeri Di Indonesia : Kajian Kes Di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta Akademi Pengajian Islam*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Umar, N. (2001). *Argumen Kesetaraan Gender “ Perspektif Al - Quran “*. Jakarta: Paramadina.

Walter W. Skeat (1993), *The Concise Dictionary of English Etymology*. Hertfordshire, UK: Wordsworth Editions, h. 173; Friedrich Kluge & Frederick Lutz (2008), *English Etymology*. Charleston, South Carolina: Biblio Bazaar.

Zakiyuddin Baidhawi, ed., (1997), *Wacana Teologi Feminis*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. ix.

Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, Aunur Rafiq, (2007), *Isu-Isu Gender: Perspektif Ulama' Al-Azhar*, h.2.

